

UMS buka Muzium Perubatan

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
bustymessy@gmail.com

KOTA KINABALU: Bagi melengkapkan proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin melancarkan pembukaan Muzium Perubatan yang juga muzium pertama seumpamanya di Sabah.

Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Haji Ampon berkata Muzium Perubatan itu akan menumpukan kepada dua aspek utama iaitu pendidikan dan perhubungan dua hala.

Menurutnya, dalam aspek pendidikan ia bertujuan untuk memberi pendedahan, pengetahuan dan meningkatkan kefahaman terhadap struktur anatomi manusia secara khusus.

“Kita juga turut didedahkan tentang pelbagai aspek yang diperlukan untuk kerja harian di Makmal Plastinasi termasuk menjalankan proses pengawetan kadaver, plastinasi, pembuatan jar muzium dan mengetahui jenis bahan kimia yang digunakan”

DR. KAMARUZAMAN HAJI AMPON
Naib Canselor UMS



OSMAN


muzium dan mengetahui jenis bahan kimia yang digunakan,” katanya sambil menambah semua spesimen yang dipamerkan dalam muzium

“Kita juga turut didedahkan tentang pelbagai aspek yang diperlukan untuk kerja harian di Makmal Plastinasi termasuk menjalankan proses pengawetan kadaver, plastinasi, pembuatan jar

itu menjadikan ia sebagai satu pusat pengenalan identiti Sekolah Perubatan UMS.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian muzium berkenaan di sini. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Dekan Sekolah Perubatan UMS, Dr. Osman Ali.

Bagi aspek perhubungan dua hala, beliau menjelaskan Muzium Perubatan UMS menjadi satu destinasi menarik dan informatif bagi para pelawat. Secara tidak langsung ia dapat menarik pelawat



Osman bersama tetamu yang lain sedang memerhatikan salah satu spesimen manusia di muzium itu.

tempatan dan luar negara untuk datang ke UMS.

“Kewujudan muzium ini juga akan merancakkan pembangunan dan kerjasama serantau antara universiti di seluruh dunia yang mana para pelawat boleh berkongsi ilmu bagaimana menghasilkan spesimen anatomi yang boleh diplastikkan,” katanya.

Beliau turut berharap kemudahan ini dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang efisien dan efektif bagi menjamin kualiti para pelajar yang bakal menjadi doktor perubatan.

Sementara itu, Osman ketika ditemuramah berkata kos untuk spesimen plastinasi di muzium itu bernilai RM2



Pengerusi Jawatankuasa perasmian Muzium Perubatan, Prof. Madya Dr. Zainal Arifin Mustapha (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Osman.

juta yang mana ia diimport dari syarikat di Amerika Syarikat.

“Sekarang ini UMS masih menunggu bahan kimia untuk membuat plastinasi sendiri memandangkan peralatannya sudah ada. Muzium ini juga akan digunakan untuk pendidikan pelajar Program Perubatan dan juga bakal dibuka kepada orang awam,” jelasnya.

Menurut Osman, setakat ini ia dibuka secara percuma hingga mendapat arahan dari pihak atasan untuk

mengenakan bayaran bagi setiap kemasukan pelawat.

Beliaumenambah, UMS juga merancang untuk menambah bahan yang terdapat di muzium itu dan pengubahsuaian turut dijalankan bagi menarik lebih ramai pengunjung pada masa hadapan.

“Sekarang ini UMS mempunyai pelajar perubatan seramai 320 orang dan bagi Program Kejururawatan seramai 60 pelajar. Muzium ini juga akan digunakan sepenuhnya oleh pelajar tahun satu dan dua,” katanya.